

Anwar, tiga bekas PM hadir Majlis Jamuan Teh Diraja


TIGA bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob antara tetamu yang menghadiri Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 di Istana Negara, semalam.

Majlis itu diserikan dengan keberangkatan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Selain itu, majlis berkenaan juga mengundang semua 222 ahli Parlimen dan anggota Dewan Negara.

Al-Sultan Abdullah akan menamatkan pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong



Ke-16 pada 30 Januari ini selepas bersemayam di atas takhta kerajaan Malaysia lima tahun sejak 31 Januari 2019.

■ **AL-SULTAN** Abdullah Ri'ayatuddin Shah dan Anwar Ibrahim semasa Majlis Jamuan Teh Diraja

Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Yang di-Pertuan Agong Ke-16 di Istana Negara semalam.